

18 JUL 1997

Estet-pekerja

MIC MINTA KERAJAAN KAJI AKTA BURUH BABITKAN PEKERJA ESTET

KOTA BAHARU, 18 Julai (Bernama) -- MIC hari ini meminta kerajaan mengkaji semula Akta Buruh dan peraturan sedia ada bagi memastikan kebajikan dan masa depan pekerja estet di negara ini terjamin sekiranya majikan mereka menjual ladang bagi tujuan komersil.

Presidennya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata kebanyakan pekerja estet yang kehilangan kerja setelah sesuatu estet itu dijual boleh dianggap sebagai "teraniaya" kerana hanya mendapat pampasan sebanyak 22 hari bekerja bagi setiap tahun perkhidmatan mereka.

"Ini tidak munasabah dan kita mesti buat pindaan undang-undang. Saya akan bangkitkan perkara ini kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan jemaah menteri tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan MIC Kelantan di sini.

Beliau yang juga Menteri Kerja Raya berkata jumlah pampasan yang diterima oleh pekerja itu tidak memadai dan mencukupi kerana pemilik ladang mendapat keuntungan besar hasil daripada penjualan ladang itu.

"Baru-baru ini saya dapat tahu pemilik ladang dapat untung kira-kira 1,400 kali daripada harga asal ladang, seperti di Selangor tanah estet dijual antara RM500,000 dan RM1 juta seekar," katanya.

"Tetapi pekerja dapat (pampasan) 22 hari gaji sahaja dan akhirnya selepas 35 tahun bekerja seorang pekerja terima RM14,000 sahaja, nak neli rumah pun tak boleh, nak bayar pendahuluan rumah pun tak cukup, akhirnya bagaimana pekerja estet boleh selesaikan masalah mereka," tanyanya.

Samy Vellu berkata MIC sekarang ini sedang mengkaji bagaimana pindaan terhadap undang-undang buruh dan pekerja estet itu boleh dibuat bagi memastikan masa depan mereka yang terlibat terjamin.

"Saya akan timbulkan isu ini pada (Mesyuarat Agung) perwakilan MIC pada 3 Ogos ini dan selepas itu kita akan membentangkan isu ini kepada Perdana Menteri," katanya.

Menurutnya kerajaan perlu memandang berat perkara itu kerana pekerja ladang dan estet melibatkan ramai masyarakat bumiputera dan India iaitu masing-masing 30 peratus manakala bakinya adalah pekerja kontrak yang tidak perlu tinggal sepenuh waktu di ladang-ladang, yang kebanyakannya masih kekurangan kemudahan asas.

Sementara itu, mesyuarat perwakilan MIC di sini kecoh sedikit, apabila seramai 40 anggota daripada lapan cawangannya di Kuala Krai membuat bantahan secara aman di luar dewan dengan membawa sepanduk sejourus selepas Samy Vellu tiba.

Lapan cawangan yang terlibat itu ialah Ladang Tako, Pasir Kelang, Kuala Pertang, Guchil, Ladang Kerilla, Manek Urai, Pasir Gajah dan Estet S. Kandasamy, Pahi.

Jurucakap kumpulan itu, M. Amavasy yang juga penolong pengerusi MIC cawangan Pasir Kelang berkata bantahan itu dibuat kerana mesyuarat cawangan terbabit tidak pernah diadakan sebaliknya penyata tahunan yang lengkap disediakan oleh kepemimpinannya

Katanya selain itu berlaku penyelewengan dalam pengurusan MIC Kelantan apabila didapati seorang ahli memiliki keahlian lebih daripada satu cawangan hingga menimbulkan persoalan.

Samy Vellu yang ditanya berhubung bantahan itu berkata beliau mahu pengaduan secara rasmi dibuat kepada MIC pusat bagi membolehkan siasatan dibuat.

Katanya ahli MIC Kelantan seramai 2,000 orang di 23 cawangannya, perlu

bersatu padu bagi memastikan kepentingan mereka dibela dan dijamin. --
BERNAMA

RAR WAT